

Evaluation of the Implementation of Curriculum for Teaching Elementary School Malay Language Skills to Malay Language Teacher Students at the Teacher Education Institute (IPG)

Amat Tarop bin Sumo*

* Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

Correspondensi E-Mail: tarop@ipgkik.edu.my

(Received: 7 Des 2022 / Accepted: 7 Juni 2023/Published Online: 15 Juni 2023)

Abstract

This study aims to evaluate the Primary School Malay Language Skills Teaching curriculum among core Malay elective teacher students at IPG for the Bachelor of Teaching Degree Program (PISMP). This study will evaluate the effectiveness of this curriculum for non-option teacher students who take the Malay core elective as a minor subject. Stufflebeam's 1971 Evaluation Model which is Context-Input-Process-Product (CIPP) was used in this study. The effectiveness of this curriculum for student teachers will be seen in the dimensions of context, input, process and product. Quantitative methods using questionnaire surveys were used to obtain data from student teachers. Quantitative data was obtained through a questionnaire from 119 student teachers. Data analysis using IBM SPSS software version 26.0. Descriptive findings show that some aspects of context, input, process and product are good. Through this study it was found that the Primary School Malay Language Skills Teaching curriculum had a very positive effect on student teachers based on all four dimensions Aspects such as learning outcomes and curriculum content, physical resources, human resources, and assessment were found to have a positive effect on student teachers who take the course. The effectiveness of this curriculum for elective core Malay language teacher students is a catalyst to produce student teachers who have extensive knowledge about Primary School Malay Language Skills.

Keywords: *curriculum, core electives, assessment, skills.*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai kurikulum Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam kalangan siswa guru elektif teras Bahasa Melayu di IPG bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Kajian ini akan menilai keberkesanan kurikulum ini kepada siswa guru bukan opsyen yang mengambil elektif teras Bahasa Melayu sebagai subjek minor. Model Penilaian Stufflebeam 1971 iaitu Context-Input-Process-Product (CIPP) telah digunakan dalam kajian ini. Keberkesanan kurikulum ini terhadap siswa guru akan dilihat dalam dimensi konteks, input, proses dan produk. Kaedah kuantitatif dengan menggunakan tinjauan soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan data daripada siswa guru. Data kuantitatif diperolehi melalui soal selidik daripada 119 orang siswa guru. Analisis data menggunakan perisian IBM SPSS versi 26.0. Dapatan deskriptif menunjukkan beberapa aspek konteks, input, proses dan produk adalah baik. Melalui kajian ini didapati bahawa kurikulum Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah amat memberi kesan yang positif kepada siswa guru berdasarkan keempat-empat dimensi Aspek-aspek seperti hasil pembelajaran dan isi kandungan kurikulum, sumber fizikal, sumber manusia, dan pentaksiran didapati memberi kesan yang positif kepada siswa guru yang mengambil kursus. Keberkesanan kurikulum ini terhadap siswa guru elektif teras Bahasa Melayu menjadi pemangkin untuk melahirkan siswa guru yang berpengetahuan luas berkenaan Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah.

Kata kunci : *kurikulum, elektif teras, penilaian, kemahiran*

I. PENDAHULUAN

Kualiti sesuatu program juga dapat dikenal pasti melalui penilaian yang dijalankan. Program yang berkualiti dapat menentukan sistem pendidikan itu bermutu tinggi dan dapat mengenal pasti kelemahan sesuatu program pendidikan. bahawa penilaian adalah satu usaha untuk menentukan sesuatu kurikulum itu bermutu tinggi dan dapat mengenal pasti kelemahan program. Penilaian yang berkesan juga akan membantu memberi nilai yang bermakna terhadap perkembangan sistem pendidikan negara agar matlamat yang ingin dicapai dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan membuahkan hasil [1]. Hal ini selari dengan pandangan [2] yang mengatakan bahawa proses penilaian merupakan komponen penting kurikulum untuk memastikan keberkesanan program akademik yang dilaksanakan dan perlu menjadikan falsafah pendidikan sebagai teras kepada perencanaannya.

Penilaian juga merupakan satu proses untuk mengesahkan dan memberi nilai pada sesuatu program supaya dapat dijalankan dengan berkesan. Hal ini selari dengan pandangan [3] yang mengatakan bahawa penilaian dapat memberi bimbingan dan panduan kepada pemegang taruh untuk mengatasi dan memperbaiki kekurangan yang wujud. Mentakrifkan penilaian sebagai memberi identifikasi, membuat pengesahan dan penggunaan kriteria yang boleh dipertahankan untuk menentukan nilai objek yang sedang dinilai itu berkaitan dengan kriteria yang telah ditetapkan [4]. Kemudian penilaian adalah segala yang berkaitan dengan keupayaan untuk menghakimi nilai sesuatu bahan dengan tujuan yang tertentu [5].

Program yang dirancang oleh sesebuah institusi perlulah dibuat penilaian secara sistematik agar program tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan dan lancar. Sehubungan dengan itu, [6] mengatakan bahawa tujuan penilaian adalah untuk memberi jawapan kepada persoalan tentang apa yang dilakukan oleh program pendidikan, bagaimana program dilaksanakan, dan adakah program tersebut memberi faedah dan bernilai. Dalam hal ini, [7] menjelaskan bahawa dalam membuat penilaian aspek yang perlu diberi penekanan ialah proses mengumpul, menganalisis, dan mensintesis data bagi menghasilkan maklumat yang tepat untuk membentuk prinsip dan dasar. Oleh itu, sesuatu program akan diperhalusi kesesuaiannya dengan kehendak semasa agar terus relevan. Maklumat ini disokong oleh [8] yang mendefinisikan penilaian sebagai penyiasatan yang sistematik dalam pelbagai aspek perkembangan profesional dan latihan.

Kurikulum elektif teras Bahasa Melayu khususnya kurikulum Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah perlu dikemas kini dari semasa ke semasa untuk memastikan hasil pembelajaran dan isi kandungan kurikulum selari dengan siswa guru bukan opsyen yang mengambil kursus tersebut. Dalam hal ini, [9] menyatakan bahawa untuk memastikan pelajar memperoleh kepuasan dalam pembelajaran, hasil pembelajaran perlulah dinilai. Namun begitu, sejak kurikulum elektif teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah diperkenalkan pada tahun 2015 belum ada lagi kajian tentang kesan hasil pembelajaran dan isi kandungan terhadap siswa guru dijalankan. Penyataan ini disokong [10] yang menyatakan bahawa pengetahuan isi kandungan merupakan suatu pengetahuan yang unik dan penting bagi seseorang yang bergelar guru. Oleh itu, adalah wajar kajian ini dilakukan kerana hasil pembelajaran dan isi kandungan merupakan input utama dalam pelaksanaan kurikulum elektif teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah di IPG.

Sumber fizikal seperti sumber pengajaran merupakan input penting dalam memastikan pelaksanaan kurikulum elektif teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah berjalan dengan lancar dan mengikut perubahan semasa. Merujuk kajian [11], dalam konteks pembelajaran berpusatkan pelajar, selain kaedah pengajaran, sumber pengajaran dan pembelajaran juga merupakan aspek yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Untuk menilai pelaksanaan kurikulum Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam proses pembelajaran pula sumber manusia menjadi medium yang penting untuk menyampaikan maklumat dan ilmu kepada siswa guru. Sumber manusia merujuk pada pensyarah yang mengajarkan kurikulum Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah kepada siswa guru yang bukan opsyen. Keupayaan sumber manusia harus dinilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya produk yang akan dihasilkan adalah selari dengan matlamat kurikulum yang dibangunkan.

Produk yang akan diperoleh hasil daripada kurikulum Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah melalui pentaksiran seharusnya dikaji dan dinilai untuk melihat impaknya kepada pihak yang terlibat terutamanya siswa guru bukan opsyen. Merujuk pendapat [12], penilaian produk akan menentukan sama ada sesuatu program mencapai tahap keperluan atau sebaliknya. Oleh hal yang demikian aspek produk dalam kajian ini perlu dinilai selepas pentaksiran kursus kurikulum elektif teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Pentaksiran dilakukan bagi melihat sama ada kursus yang diikuti memberi impak kepada siswa guru bukan opsyen atau tidak yang merupakan produk utama. Hal ini dikatakan demikian kerana penilaian produk akan menentukan implikasi kurikulum Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah kepada siswa guru dalam pelbagai aspek seperti memperoleh ilmu baharu. Secara keseluruhannya, kajian ini amat berbeza dengan kajian-kajian penilaian kurikulum yang lain kerana kajian ini memfokuskan kurikulum Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam elektif teras Bahasa Melayu yang ditawarkan di IPG. Keunikan kajian ini terletak pada fokus utama kajian yang berkaitan kurikulum elektif teras Bahasa Melayu iaitu pengajaran kemahiran Bahasa Melayu sekolah rendah.

II. METODE PENELITIAN

Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan secara deduktif kaedah ini dimulakan dengan pembinaan hipotesis, kemudian memungut data dan diakhiri dengan menganalisis data secara kritikal [13]. Manakala jenis tinjauan yang digunakan ialah tinjauan hirisan rentas (cross-sectional survey) iaitu memungut data sekali sahaja terhadap satu sampel pada satu masa [14]. Kaedah ini membantu pengkaji untuk memperoleh dapatan yang jelas. Menurut [15], kaedah tinjauan merupakan satu cara menyoal responden tentang suatu topik dan maklum balas yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif. Kajian tinjauan membolehkan pengkaji memungut data yang diperlukan dengan cepat dalam masa yang singkat. [16] menyatakan bahawa kelebihan penggunaan kajian tinjauan ialah soalan berkaitan tajuk yang hendak dikaji boleh ditanya kepada ramai responden, mudah diuruskan oleh penyelidik, dan amat sesuai apabila kajian melibatkan banyak pemboleh ubah untuk dianalisis secara statistik. Menurut [17], kaedah tinjauan skop kajiannya lebih luas dan menyeluruh. Hal ini amat membantu penyelidik menjelaskan lagi dapatan data kuantitatif dengan lebih terperinci.

Data dianalisis untuk menghasilkan analisis deskriptif seperti min dan sisihan piawai. Populasi dan sampel merupakan dua elemen yang saling berkait dan sangat penting dalam melakukan penyelidikan. Pendapat ini disokong oleh [18] yang menyatakan bahawa persampelan ialah proses memilih suatu subset (kumpulan) kes daripada suatu kelas kes iaitu populasi. Menurut [19] memilih latar, populasi, dan sampel bergantung pada objektif dan persoalan kajian. Dalam kajian penilaian kurikulum elektif teras Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu di IPG ini, bergantung pada jenis kurikulum yang ingin dibuat penilaian iaitu kurikulum elektif teras Bahasa Melayu dalam kalangan siswa guru bukan opsyen. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan persampelan tujuan (purposive sampling) dalam memilih sampel. Persampelan tujuan melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidikan. Beliau turut menyatakan bahawa penyelidik boleh menggunakan pengetahuan mereka tentang populasi untuk mengenal pasti sama ada sesuatu sampel itu mewakili populasi atau tidak [20]. Sehubungan dengan itu, sampel kajian ini adalah dipilih dalam kalangan siswa guru bukan opsyen ambilan Jun 2018 dan ambilan Jun 2019.

Pemilihan sampel ini juga adalah atas rasional siswa guru ini mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu masih menuntut di IPG dan sekarang mereka berada pada semester 5 dan 7. Menurut [14], populasi yang terdiri daripada kumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama amat sesuai untuk dijadikan sampel. Tambahan pula, siswa guru tersebut baru sahaja selesai mengambil kursus kurikulum elektif teras Bahasa Melayu pada semester 4. Oleh itu, pengkaji yakin dan percaya bahawa responden dapat membekalkan maklumat dan input yang berguna untuk menjawab persoalan kajian. Pendapat ini adalah selari dengan kajian yang pernah dilakukan. Hanya empat IPGK yang terlibat dalam kajian ini daripada 27 IPGK yang ada di Malaysia kerana

empat IPGK ini sahaja yang menawarkan kursus elektif teras Bahasa Melayu kepada siswa guru bukan opsyen. IPGK tersebut ialah IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, IPG Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek, Negeri Sembilan, IPG Kampus Pulau Pinang, dan IPG Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Kuching, Sarawak.

Populasi siswa guru bukan opsyen yang mengambil kurikulum Bahasa Melayu sebagai elektif teras adalah sebanyak 149 orang siswa guru. Responen yang terlibat dalam kajian ini ialah 119 orang siswa guru. Penentuan sampel juga dilakukan dengan merujuk jadual penentuan sampel Krejcie dan Morgan 1970 iaitu populasi 150 saiz sampel ialah 108 orang. Oleh itu, saiz sampel 119 orang ini sangat mencukupi untuk kajian ini. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Soal selidik merupakan salah satu cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada sampel yang ramai. Fungsi soal selidik mengikut [21] adalah untuk memudahkan pengkaji memungut data terhadap responden yang ada di merata tempat dan masa responden yang terhad untuk mendapatkan maklumat yang tepat. [22] mengatakan bahawa instrumen soal selidik mestilah mempunyai kesahan dan mudah untuk difahami oleh responden.

Soal selidik dalam kajian ini berfokus pada dimensi produk iaitu hasil pembelajaran dan isi kandungan lima item, dimensi input iaitu sumber fizikal lapan item, dimensi proses iaitu sumber manusia 6 item, dan dimensi produk iaitu pentaksiran sembilan item. Seterusnya, proses kesahan dan kebolehpercayaan soalan soal selidik telah dijalankan. Soal selidik telah disemak dan dibuat penambahbaikan setelah mendapat pengesahan daripada tiga orang pakar dalam bidang pendidikan. Soal selidik juga telah menjalani kajian rintis terhadap 30 orang siswa guru bukan opsyen untuk memastikan soalan yang dikemukakan berkualiti dan bermakna. Kesahan ialah keupayaan penyelidik untuk menghasilkan dan membina instrumen yang mampu mengukur data yang sepatutnya diukur supaya hasil kajian menjadi sesuatu yang bermakna [23].

III. HASIL DAN PEMBAHASAN

Dapatan deskriptif pada bahagian ini akan menjawab persoalan kajian 1 hingga 4. Dapatan dilaporkan dengan membentangkan nilai min siswa guru bukan opsyen secara deskriptif. Bagi mengetahui tahap nilai min setiap pemboleh ubah yang dikaji, penyelidik mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min dalam tiga tahap seperti yang dipamerkan dalam Jadual 1 di bawah ini:

Jadual 1
Skala Interpretasi Min

Min	Interpretasi
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

Sumber: Mohd Majid Konting (2000)

a. Persoalan Kajian 1

Adakah hasil pembelajaran dan isi kandungan kurikulum elektif teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah memberi kesan kepada siswa guru berdasarkan dimensi konteks.

Jadual 2

Kesan Hasil Pembelajaran dan Isi Kandungan Kurikulum Elektif Teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Siswa Guru Bukan Opsyen

Dimensi	Item	Min	SP
---------	------	-----	----

Konteks	Meningkatkan kualiti diri saya sebagai siswa guru	4.72	0.47
	Meningkatkan pengetahuan saya	4.68	0.49
	Meningkatkan keupayaan berfikir secara kreatif dan kritis.	4.66	0.54
	Mengetahui objektif pembelajaran	4.64	0.58
	Memperoleh ilmu baharu berkenaan isi kandungan	4.61	0.51

Berdasarkan Jadual 2, hasil dapatan menunjukkan bahawa item yang paling tinggi ialah meningkatkan kualiti diri saya sebagai siswa guru dengan min 4.72 (S.P = 0.47). Seterusnya, min meningkatkan pengetahuan saya ialah 4.68 (S.P = 0.49). Selanjutnya meningkatkan keupayaan berfikir secara kreatif dan kritis memperoleh min 4.66 (S.P = 0.54). Diikuti dengan min mengetahui objektif pembelajaran ialah 4.64 (S.P = 0.58). Sementara itu, min memperoleh ilmu baharu berkenaan isi kandungan adalah sebanyak 4.61 (S.P = 0.51). Situasi ini menunjukkan bahawa kesan hasil pembelajaran dan isi kandungan terhadap siswa guru bukan opsyen berdasarkan dimensi konteks adalah tinggi. Hal ini selari dengan kajian [24] yang menyatakan bahawa pengetahuan isi kandungan merupakan suatu pengetahuan yang penting bagi seseorang yang bergelar guru. Dapatan menunjukkan bahawa siswa guru bukan opsyen memperoleh impak yang positif dari segi pengetahuan hasil pembelajaran dan isi kandungan. Hal ini secara tidak langsung akan membantu siswa guru bukan opsyen menjadi lebih mahir dalam bidang yang dipelajari.

b. Persoalan Kajian 2

Apakah kurikulum elektif teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah memberi kesan dari segi sumber fizikal terhadap siswa guru bukan opsyen berdasarkan dimensi input.

Jadual 3
Kesan Sumber Fizikal Kurikulum Elektif Teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Siswa Guru Bukan Opsyen

Dimensi	Item	Min	SP
Input	Peralatan pembelajaran seperti komputer riba membantu meningkatkan kualiti pembelajaran saya	4.72	0.49
	Bahan pembelajaran seperti nota tambahan daripada pensyarah membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman saya	4.70	0.51
	Bahan pembelajaran seperti video memberi pelbagai input yang berguna kepada saya	4.63	0.55
	Bilik kuliah yang kondusif membantu saya memperoleh input pembelajaran dengan jelas	4.55	0.61
	Pusat sumber yang kondusif memberi nilai tambah kepada pembelajaran saya.	4.54	0.59
	Buku rujukan yang terkini melancarkan pembelajaran saya	4.47	0.56
	Buku rujukan yang pelbagai dapat meningkatkan pengetahuan saya berkenaan isi kandungan setiap kursus	4.45	0.61
	Pusat sumber menyediakan bahan rujukan yang mencukupi kepada saya	4.25	0.77

Merujuk Jadual 3, hasil dapatan mendapati bahawa peralatan pembelajaran seperti komputer riba memperoleh min paling tinggi iaitu 4.72 (S.P = 0.49). Selain itu, bahan pembelajaran seperti nota tambahan daripada pensyarah membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman saya dengan min 4.70 (S.P = 0.51). Seterusnya, bahan pembelajaran seperti video memberi pelbagai input yang berguna kepada saya dengan min 4.63 (S.P = 0.56). Diikuti pula dengan bilik kuliah yang kondusif membantu saya memperoleh input pembelajaran dengan jelas iaitu min 4.55 (S.P = 0.61). Selanjutnya, pusat sumber yang kondusif memberi nilai tambah kepada pembelajaran saya dengan min 4.54 (S.P = 0.59). Di samping itu, buku rujukan yang terkini melancarkan pembelajaran saya memperoleh min 4.47 (S.P = 0.56). Sementara itu, buku rujukan yang pelbagai dapat meningkatkan pengetahuan saya berkenaan isi kandungan setiap kursus dengan min 4.45 (S.P = 0.61). Akhir sekali, pusat sumber menyediakan bahan rujukan yang mencukupi kepada saya memperoleh min 4.25 (S.P = 0.77). Keadaan ini menunjukkan bahawa kesan sumber fizikal terhadap siswa guru bukan opsyen berdasarkan dimensi input adalah tinggi dan sememangnya memberikan impak yang positif kepada siswa guru bukan opsyen. Dapatan ini juga sangat selari dengan kajian yang dilakukan oleh [25] yang menyatakan bahawa persekitaran kondusif adalah signifikan dalam merangsang kelakuan pembelajaran dan maklum balas serta persepsi guru dan pelajar tentang pengalaman mereka di sekolah. Menurut beliau lagi persekitaran sekolah yang baik dikatakan mampu menjana sikap positif tahap minat serta semangat pelajarnya untuk terus berada dalam mood belajar. Namun begitu, aspek penambahbaikan juga perlu dilaksanakan bagi memastikan kualiti kemudahan fizikal dalam keadaan terbaik bagi menjamin pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif.

c. Persoalan Kajian 3

Apakah kurikulum elektif teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah memberi kesan dari segi sumber manusia terhadap siswa guru bukan opsyen berdasarkan dimensi proses.

Jadual 4

Kesan Sumber Manusia Kurikulum Elektif Teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Siswa Guru Bukan Opsyen

Dimensi	Item	Min	SP
Proses	Menghasilkan kerja kursus yang berkualiti	4.61	0.60
	Meningkatkan motivasi untuk belajar dengan lebih gigih	4.61	0.61
	Meningkatkan pengetahuan berkenaan isi kandungan	4.59	0.53
	Memperoleh maklumat berkenaan peperiksaan dengan lebih jelas	4.57	0.63
	Memperoleh maklumat berkenaan RMK	4.53	0.58
	Meningkatkan fokus terhadap pembelajaran	4.51	0.58

Jadual 4 menunjukkan bahawa nilai min menghasilkan kerja kursus yang berkualiti ialah 4.61 (S.P = 0.60) manakala meningkatkan motivasi untuk belajar dengan gigih juga mempunyai nilai min yang sama iaitu 4.61 (S.P = 0.61). Seterusnya, meningkatkan pengetahuan berkenaan isi kandungan nilai min ialah 4.59 (S.P = 0.53). Diikuti dengan memperoleh maklumat berkenaan peperiksaan dengan jelas nilai min ialah 4.57 (S.P = 0.63). Min bagi item memperoleh maklumat berkenaan RMK dan meningkatkan fokus terhadap pembelajaran pula masing-masing ialah 4.53 (S.P = 0.58) dan 4.51 (S.P = 0.58). Keadaan ini menunjukkan bahawa kesan sumber manusia terhadap siswa guru bukan opsyen berdasarkan dimensi proses adalah tinggi dan sememangnya sangat penting. Dapatan ini juga sangat selari dengan kajian yang dilakukan oleh [26] yang menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab guru untuk menyediakan rangka kerja pengajaran (perancangan mengajar) dalam satu waktu yang telah diperuntukkan sebelum sesi PdPc bermula. Manakala, dari sudut pelaksanaan

pengajaran, guru perlu memahami dan bersedia melakukan perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdPc) sesuai dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21). Oleh itu, pensyarah perlu mempelbagaikan usaha untuk menarik minat pelajar agar pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar dan menyeronokkan.

d. Persoalan Kajian 4

Adakah kurikulum elektif teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah memberi kesan dari segi pentaksiran terhadap siswa guru bukan opsyen berdasarkan dimensi produk.

Jadual 5

Kesan Pentaksiran Kurikulum Elektif Teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Siswa Guru Bukan Opsyen

Dimensi	Item	Min	SP
Produk	Memperoleh pengetahuan berkenaan hasil pembelajaran dengan mudah	4.50	0.57
	Menilai kehendak kerja kursus secara kritikal	4.45	0.59
	Menghasilkan bahan inovasi Bahasa Melayu berasaskan TMK	4.57	0.60
	Mempelbagaikan bahan rujukan	4.56	0.55
	Meningkatkan pengetahuan saya secara menyeluruh tentang kandungan kurikulum	4.55	0.59
	Meningkatkan keupayaan saya untuk berfikir secara kreatif dan kritis	4.54	0.59
	Meningkatkan motivasi saya untuk mendalami isi kandungan	4.48	0.65
	Meningkatkan keinginan saya untuk membuat pelbagai rujukan.	4.55	0.61
	Membantu saya mengaitkan isi pelajaran dengan soalan peperiksaan	4.52	0.64

Berdasarkan Jadual 5 hasil dapatan menunjukkan bahawa nilai min memperoleh pengetahuan berkenaan hasil pembelajaran dengan mudah 4.50 (S.P = 0.57) manakala nilai min menilai kehendak kerja kursus secara kritikal ialah 4.45 (S.P = 0.59). Seterusnya, menghasilkan bahan inovasi Bahasa Melayu berasaskan TMK nilai min ialah 4.57 (S.P = 0.60). Diikuti dengan mempelbagaikan bahan rujukan nilai min ialah 4.56 (S.P = 0.55). Min bagi meningkatkan pengetahuan saya secara menyeluruh dan meningkatkan keupayaan saya untuk berfikir secara kreatif dan kritis pula masing-masing ialah 4.55 (S.P = 0.59) dan 4.54 (S.P = 0.59). Min item meningkatkan motivasi saya untuk mendalami isi kandungan KETBM ialah 4.48 (S.P = 0.65), meningkatkan keinginan saya untuk membuat pelbagai rujukan min 4.55 (S.P = 0.61) dan membantu saya mengaitkan isi pelajaran dengan soalan peperiksaan min ialah 4.52 (S.P = 0.64). Keadaan ini menunjukkan bahawa kesan pentaksiran terhadap siswa guru bukan opsyen berdasarkan dimensi produk adalah tinggi dan sememangnya sangat penting. Dapatan ini juga sangat selari dengan pendapat [16] yang menyatakan bahawa pentaksiran pembelajaran adalah sebahagian daripada aktiviti penting pengajaran dan pembelajaran. Manakala [27] berpendapat pentaksiran merangkumi pelbagai maklum balas daripada murid serta perbincangan untuk mengukur dan menilai kualiti pembelajaran. *Literate individual will properly review the messages received from and delivered to the public* [28].

The opinion in classical philosophy states that, students are considered people who don't know anything and they must be informed about various information by their teachers [29]. Sehingga dapat menyampaikan pembelajaran melalui suasana yang menyenangkan [30]. Oleh itu, dari segi dimensi produk pentaksiran terhadap siswa guru bukan opsyen memberi kesan yang positif dari segi untuk melahirkan siswa guru bukan opsyen yang boleh mengajar subjek Bahasa Melayu semasa di sekolah nanti.

IV. KESIMPULAN DAN SARAN

Tuntasnya, kurikulum elektif teras Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam kalangan siswa guru bukan opsyen memberi kesan yang positif kepada mereka. Kesan positif ini dapat dilihat dalam dimensi konteks, input, proses, dan produk. Dimensi konteks aspek hasil pembelajaran dan isi kandungan kurikulum memberi kesan yang positif kepada siswa guru bukan opsyen yang mengambil kursus ini. Selain itu, kesan positif yang seterusnya adalah dalam dimensi input dari aspek sumber fizikal. Di samping itu, dimensi proses menunjukkan bahawa sumber manusia turut memberikan kesan yang positif. Akhir sekali, berdasarkan dimensi produk pentaksiran juga menunjukkan kesan yang positif terhadap siswa guru bukan opsyen.

Rumusan yang dapat dibuat ialah kurikulum elektif Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah harus dikekalkan dalam kursus elektif teras Bahasa Melayu kerana banyak memberi kesan yang positif. Namun begitu, kurikulum ini haruslah dibuat semakan dari semasa ke semasa supaya sentiasa relevan. Kurikulum ini juga mampu untuk melahirkan siswa guru bukan opsyen yang kompeten dan berdaya saing.

V. DAFTAR PUSTAKA

- [1] Finch, C.G. (1984). *Strategic planning in education: A guide for policy makers*. Alexandria, Va: National School Boards Associatio
- [2] Z. O., R., Hamzah, H., Hussiin, Z., Ali & N., Q., Abdullah. (2017). *Pembangunan model penilaian kurikulum berteraskan nilai universal bagi program pendidikan berteraskan teknologi & kejuruteraan: Satu Kerangka konseptual*. International Journal of Humanities Technology and Civilization, No.1, 50-61.
- [3] Nor Hayati Fatmi Talib & Bani Hidayat Mohd Shafie. (2016). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum, Satu Sorotan*. Journal of Islamic and Arabic Education 8(2), 2016 1-9.
- [4] Fitzpatrick, J. L., Sanders, J. R. & Worthen, B. R. (2004). *Program evaluation - alternative approaches and practical guidelines*. Ed. ke-3. Boston: Allyn and Bacon.
- [5] Linn, R. L. & Miller, M. D. 2005. *Measurement and assessment in teaching*. Ed. ke-9. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- [6] Rossi, P. H., Lipsey, M. W., & Henry, G. T. (2018). *Evaluation: A Systematic Approach (8th ed.)*. Thousand Oaks, California: SAGE Publications, Inc.
- [7] Borich, G.D. et Jemelka, R. P. (1982). *Program and system. The Educational Technology Series*. Toronto Academic Press.
- [8] Brinkerhoff, R.O., Brethower, D.M., Hluchyj, T., & Nowakowski, J.R. (1983). *Source Book: A Practitioner's Guide for Trainers and Educators*. New York: Kluwer-Nijhoff Publishing.
- [9] Zedda, M., Bernardelli, S., & Maran, D.A. (2017). *Students' Satisfaction with the Group Work Method and its Performance Evaluation: A survey in an Italian University*. International Journal of Instruction, 10(3), 1-14.
- [10] Muhamad Hafizan Mohd Suhairi & Anuar Ahmad. (2017). *Pengaruh Pengetahuan Isi Kandungan Terhadap Aplikasi Pengajaran Yang Berkesan Dalam Kalangan Guru guru Sejarah*. International Conference on Global Education V, 'Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity' . Universitas Ekasakti, Padang. 10-11 April 2017.
- [11] Alizah Lambri & Zamri Mahamood. (2019). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Azizi Ahmad. (2010). *Pentaksiran Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [12] Azizi Jaafar. (2019). *Asas Pembangunan Kurikulum dalam Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

- [13] Newman, W. L. (1991). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Boston, MA: Allyn and Bacon.
- [14] Creswell, J.W. 2014. *Research design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- [15] Jackson, S.L. (2003). *Research Methos and Statistics*. California: Wardswort/Thomson Learning Inc.
- [16] McMillan, J.H. (2000). *Fundamental assessment principles for teachers and school administrators*. Practical Assessment, Research & Evaluation, 7 (8).
- [17] Mazidah binti Ali. (2020). *Tahap Kesiediaan Guru Sekolah Aliran Perdana Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Murid Bercirikan Disleksia*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru. Oktober 2020.
- [18] Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).
- [19] Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [20] Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- [21] Pratt, D. 1980. *Curriculum design and development*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc.
- [22] Field, A. (2009) *Discovering Statistics Using SPSS*. 3rd Edition, Sage Publications Ltd. London.
- [23] Azizi Yahya, Peter Voo, Ismail Maakip & Mohd Dahlan A. Malek. (2017). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [24] Abdul Rasid Jamian. (2011). *Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Malay Language Education Journal (MyLEJ).
- [25] Muhammad Fawiz Bakri & Zulkifli Osman. (2018). *Pembinaan Semula Kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris: Penilaian dari Aspek Peruntukan Masa Pembelajaran*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL) 2018, Vol. 8, No.2, 27-37.
- [26] Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [27] Ornstein, Allan C., Hunkins & Francis P. (2009). *Curriculum: foundations, principles, and issues*. United States. Pearson.
- [28] Tetep and A. Suparman, "Students' digital media literacy: Effects on social character," *Int. J. Recent Technol. Eng.*, vol. 8, no. 2 Special Issue 9, pp. 394–399, 2019, doi: 10.35940/ijrte.B1091.0982S919.
- [29] A. R. Murdiati, E. Mulyana, and T. Widyanti, "Cooperation Skills Based on Students' Perceptions Through Integration of the Group Discussion and Group Project Method," vol. 584, no. Icorsh 2020, pp. 475–481, 2021.
- [30] T. Tetep and Y. Arista, "Students' Perception towards Kahoot Learning Media and Its Influence towards Students' Motivation in Learning Social Studies and Civic Education amid Pandemic in SMKN 9 Garut," *Innov. Soc. Stud. J.*, vol. 4, no. 1, p. 99, 2022, doi: 10.20527/iis.v4i1.5537.